



SIARAN MEDIA

JABATAN WILAYAH PERSEKUTUAN

KERJASAMA STRATEGIK PELBAGAI AGENSI MENJADI PEMANGKIN KEJAYAAN BORNEO FLORA FESTIVAL@ LABUAN 2025

14 OGOS 2025

Borneo Flora Festival@ Labuan 2025 (BFF@ Labuan 2025) melabuhkan tirainya dengan kejayaan membanggakan apabila menerima kehadiran 120,154 pengunjung sepanjang lima hari penganjuran. Festival bunga berprestij ini telah memberi impak besar kepada ekonomi tempatan, membuka peluang baharu dalam sektor pelancongan, serta melonjakkan reputasi Pulau Labuan di persada antarabangsa.

Peningkatan trafik kemasukan orang ramai ke Wilayah Persekutuan Labuan melalui Terminal Feri Antarabangsa Labuan dari Kota Kinabalu, Limbang, Lawas, Menumbok, Sipitang dan Negara Brunei Darussalam telah memberikan hasil jualan tiket yang tinggi sebanyak RM229,517 sepanjang 5 hari festival berlangsung. Ini membuktikan BFF@ Labuan 2025 menjadi acara pelancongan berskala besar yang dapat memberi kesan secara langsung kepada peningkatan ekonomi rakyat Labuan. Festival bunga ini menjadi tumpuan orang ramai terutama komuniti di sekitar Pulau Labuan.

Galeri LAWA yang menjadi pusat pemasaran produk-produk kraftangan dan kulinari komuniti tempatan turut memasarkan 16 jenis cenderamata bertemakan flora borneo semasa BFF@ Labuan 2025. Hasil jualan melebihi RM30,000 di Galeri LAWA ini telah memberi limpahan ekonomi kepada pengusaha seni kraftangan tempatan.

BFF@ Labuan 2025 turut memberi kesan besar kepada pengusaha inap desa tempatan yang telah menjana pendapatan tinggi di sepanjang festival bunga ini berlangsung. Kampung Patau-Patau 2, Kampung Sungai Labu dan Kampung Bukit Kuda yang menyediakan perkhidmatan inap desa telah menerima 312 pelanggan dengan pendapatan keseluruhan sebanyak RM58,510 sepanjang BFF@ Labuan.

Selain itu, 76 lot gerai di dalam kawasan tapak BFF@ Labuan yang diusahakan masyarakat tempatan berlesen merekodkan purata pendapatan harian antara RM1,000 hingga melebihi RM7,000 bagi setiap lot dengan lebih 200 pelanggan sehari. Keadaan ini membolehkan peniaga tempatan meraih pendapatan lumayan ekoran permintaan yang tinggi dari para pengunjung. Gerai dan kedai-kedai makan di kawasan kampung juga turut mendapat permintaan yang tinggi pada masa tersebut.

Kejayaan penganjuran BFF@ Labuan 2025 didokong oleh kerjasama erat pelbagai agensi termasuk para sukarelawan dan komuniti tempatan. Ini membuktikan bahawa Wilayah Persekutuan Labuan mampu menjadi lokasi penganjuran program berskala besar dan bertaraf antarabangsa. Ini bukan sahaja dapat memperkenalkan keindahan Pulau Labuan kepada orang ramai tetapi turut menjadi pemacu utama pembangunan industri pelancongan.

Disediakan oleh:

Bahagian Komunikasi Korporat

Jabatan Wilayah Persekutuan

14 OGOS 2025

